

MEMO

Tarikh : 25 September 2024

Kepada : 1. YBrs. Tuan Haji Zahid Ismail, Ketua Pengarah
2. Unit Perolehan (PCT)
3. Unit Kewangan (KEW)

Daripada : Puan Nur Faizah Tasman, Penolong Pengurus, Unit Pentadbiran

Melalui : Puan Siti Zurianah Othman, Pengurus Kanan, Unit Pentadbiran

Perkara : Permohonan Kelulusan Untuk Menggunapakai Kaedah Pembayaran (eISO) Kepada Kontraktor Bagi Projek Ubahsuai Ibu Pejabat MPC Baharu di Menara MATRADE.

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semasa Mesyuarat Penyerahan Tapak pada 9 September 2024, memutuskan pembayaran kepada kontraktor bagi Projek Ubahsuai Ibu Pejabat MPC yang baharu di Menara MATRADE hendaklah menggunakan kaedah pembayaran (eISO).

3. Kaedah pembayaran ini adalah bertujuan untuk memastikan kontraktor mendapat pembayaran mengikut jadual yang telah ditetapkan dan seterusnya kerja-kerja ubahsuai dapat dilaksanakan dengan lancar.

4. Kaedah ini juga adalah merujuk kepada Manual Kewangan, Perolehan dan Pengurusan Aset & Stor (MKPPA) dan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Bab 15 Bayaran Pendahuluan dan Perakuan Interim – Perkara 15.3.7)

5. Dilampirkan carta alir proses dan jadual pembayaran interim sebagai rujukan. Mohon perhatian kepada Unit Perolehan dan Kewangan untuk memastikan kelancaran pembayaran mengikut jadual yang dilampirkan.

6. Memo ini juga bertujuan untuk menggantikan jadual pembayaran yang termaktub di dalam Surat Setuju Terima (SST). Jadual pembayaran yang baharu diadakan setelah mengambil kira keperluan dan kepentingan pihak kontraktor dan kelancaran projek.

7. Oleh yang demikian, mohon kelulusan pihak Tuan bagi tujuan di atas serta perhatian dan tindakan oleh Unit Perolehan dan Kewangan bagi memastikan projek ini dapat berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:



(Nur Faizah Tasman)

Penolong Pengurus

Unit Pentadbiran

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 25 September 2024

Disokong oleh:



(Siti Zurianah Othman)

Pengurus Kanan

Unit Pentadbiran

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh: 25 September 2024

Diluluskan / Tidak Diluluskan oleh:



(Zahid Ismail)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia


Tarikh: 25 September 2024



Carta Alir Pembayaran – MPC (Permohonan Pembayaran – eISO)


Dokumen Wajib Pembayaran Interim

- Surat tuntutan kontraktor.
- Pecahan BQ lengkap dengan peratusan kerja yang telah dilakukan.
- Bukti kerja yang telah dilakukan (Gambar, resit, DO).
- Penandaan pada lukisan *layout* secara lorekan (shaded/region).
- Surat Setuju Terima, Jadual Program Kerja, Terma / Syarat dan Tempoh Pembayaran.



Perakuan Siap Kerja

- Tindakan Perunding Utama / Perunding QS.
- Pengesahan kerja-kerja telah siap dilaksanakan mengikut peratusan.
- Satu Perakuan Siap Kerja (CPC) akan dikeluarkan apabila kerja telah siap menurut peruntukan kontrak.



Unit Kewangan MPC

- Memastikan Perakuan Siap Kerja (CPC) telah disahkan oleh Perunding Utama / Perunding QS lengkap.
- Bukti kerja disahkan oleh Perunding Utama / Perunding QS.
- Proses pembayaran dilaksanakan.

**CADANGAN KERJA-KERJA FIT-OUT DALAMAN UNTUK PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC), ARAS 1 DAN 21
MENARA MATRADE, KUALA LUMPUR**

Bayaran Interim	Tarikh Kemukakan Dokumen*	Jumlah Interim (RM)	Jumlah Wang Tahanan (WJP) (RM)	Tarikh Perakuan (Perunding) & Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)	Tarikh Kemukakan Invois, CPC & Dokumen* Kepada Unit Kewangan MPC	Tindakan Unit Kewangan MPC (HARI)	Tarikh Pelepasan Bayaran
1	25/9	113,400.00	12,600.00	27/9	28/9	7	5/10
2	11/10	791,100.00	87,900.00	13/10	14/10	7	21/10
3	25/10	1,821,600.00	202,400.00	27/10	28/10	7	4/11
4	8/11	2,413,850.50	411,149.50	10/11	11/11	7	18/11
5	22/11	3,114,000.00	-	24/11	25/11	7	30/11
6	6/12	3,817,000.00	-	8/12	9/12	7	16/12
7	20/12	1,291,000.00	-	22/12	23/12	7	30/12
2025							
8 (P)	7/1	204,990.00	-	10/1	11/1	7	18/1
2026							
9 (FA)	22/4	714,049.50	-	25/4	28/4	7	5/5
JUMLAH		14,280,990.00	714,049.50				

Disediakan :


 Nama : **SITI ZUBARIAH OTHMAN**
 Jawatan : **Pengurus Kanan**
 Tarikh : **26/9/2024**
 Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan (MSF)
 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Diluluskan :


 Nama : **ZAHD ISMAIL**
 Jawatan : **Ketua Pengarah**
 Tarikh : **26 SEP 2024**
 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

* Surat Setuju Terima (SST) / Surat tuntutan kontraktor / Pecahan BQ lengkap dengan peratusan kerja yang telah dilakukan / Bukti kerja yang telah dilakukan (Gambar, resit, DO) dan Penandaan pada lukisan layout secara lorekan (shaded/region)

CARTA ALIRAN KERJA BAGI BAYARAN KEMAJUAN

Nama Pejabat :

Nama Kerja :

.....

.....

.....

Kontrak No :Ketua Bahagian :

Bayaran Kemajuan NoJurutera Kerja :

Bil	Aliran Kerja (PWD.66)	Tarikh	t.t. pegawai yang ambil tindakan	Catatan
1.	Penilaian dibuat			
2.	Penilaian siap ditaip			
3.	Hantar kepada Jurutera Kerja			
4.	Tandatangan oleh Jurutera Kerja			
5.	Hantar kepada Ketua Bahagian			
6.	T.T. oleh Ketua Bahagian			
7.	Hantar kepada Ketua Bahagian			
8.	Tandatangan oleh Juruukur Bahan			
9.	Hantar kepada Pengarah			
10.	Diluluskan oleh Pengarah			
11.	Hantar kepada Kewangan			
12.	Penyediaan Voucher			
13.	Voucher dihantar kepada Pengarah			
14.	Voucher di t.t. oleh Pengarah			
15.	Voucher dikembalikan kepada Kewangan			
16.	Penyediaan Doket oleh Kewangan			
17.	Hantar kepada pihak Pembayaran			

N.B. Borang ini diawasi oleh :